

**Cabaran Pengaplikasian Teknologi Kecerdasan Buatan terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kursus Fiqh Ibadah dalam kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)**

***[Challenges in the Application of Artificial Intelligence Technology in the Teaching and Learning (T&L) of the Fiqh Ibadah Course among Students in Private Higher Education Institutions (PHEIs)]***

**Nor Musfirah Mohamad** (Corresponding Author)

*Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) Perlis, Malaysia, [musfirah@kuips.edu.my](mailto:musfirah@kuips.edu.my)*

**Amirah Izzati Omar**

*Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) Perlis, Malaysia, [amirahizzati@kuips.edu.my](mailto:amirahizzati@kuips.edu.my)*

**Noorkartina Mohamad**

*Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, [noorkartina@kuips.edu.my](mailto:noorkartina@kuips.edu.my)*

**Nur Fatin Nabilah Shahrom**

*Akademik Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis Malaysia*

*Article  
Progress:*

*Submission date:  
20-11-2025*

*Accepted date:  
15-12-2025*

**ABSTRACT**

*The rapid growth of artificial intelligence (AI) has led to its increasingly widespread use and has impacted teaching and learning, including the field of Shariah studies. Fiqh Ibadah encompasses the rules and practices of worship such as purification, prayer, fasting, zakat, 'umrah, haji, slaughtering, and others. Understanding both its theoretical and practical dimensions is essential for effective learning. University students who study the Fiqh Ibadah course have the potential to benefit from more engaging and interactive learning experiences, making AI a useful tool for enhancing the understanding of Fiqh Ibadah in the digital era. However, the application of AI technology in the study of Fiqh also presents several challenges, such as concerns over effectiveness, the possibility of inaccurate information, and the tendency to obtain limited and general information. Therefore, this study aims to identify Challenges in the Application of Artificial Intelligence Technology in the Teaching and Learning (T&L) of the Fiqh Ibadah Course among Students in Private Higher Education Institutions (PHEIs). The methodology of this study employs a quantitative approach by selecting sampling through the distribution of questionnaires involving 66 students from the Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) and others. The findings revealed that the challenges of using artificial intelligence in Shariah studies, particularly Fiqh Ibadah, include the potential of receiving limited and general information, inaccurate information, repetitive content, plagiarism through AI-generated*

*content, and a decline in critical thinking skills due to dependence on AI and a lack of personal responsibility. Thus, the use of AI must be monitored by educators to ensure the integrity of information and its alignment with traditional Fiqh learning approaches. Ultimately, the implications of this study indicate that the use of AI technology must be grounded in Islamic legal principles.*

**Keywords:** *Challenges; Artificial Intelligence Technology; Fiqh Ibadah; Private Higher Education Institutions (PHEIs)*

## PENDAHULUAN

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membawa transformasi besar dalam bidang pendidikan, termasuk dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Salah satu inovasi yang semakin mendapat perhatian ialah penggunaan teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* (AI) dalam PdP. AI merujuk kepada sistem atau perisian yang mampu meniru proses pemikiran manusia, termasuk pembelajaran, penyelesaian masalah, dan pengambilan keputusan (Russell & Norvig, 2020). AI menawarkan pelbagai kemudahan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), seperti pembelajaran berasaskan data, pembelajaran adaptif, interaksi maya, serta pemantauan prestasi pelajar secara lebih efisien dan sistematik (Wang et al., 2022). Di samping itu, AI berpotensi memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar dengan menyediakan maklumat tambahan, latihan interaktif, dan rujukan segera, seterusnya meningkatkan motivasi dan kefahaman pelajar. AI berpotensi untuk meningkatkan keberkesanan PdP melalui pendekatan yang lebih interaktif, personalia pembelajaran dan analisis data pelajar secara automatik (Chen et al., 2022).

Pengajaran kursus Fiqh Ibadah, sebagai salah satu komponen penting dalam pengajian Syariah, memerlukan kefahaman mendalam mengenai peraturan ibadah dan pengaplikasiannya dalam kehidupan seharian. Tradisionalnya, PdP Fiqh Ibadah menekankan kaedah kuliah, perbincangan, dan latihan amali. Namun, penggunaan AI dalam konteks ini masih di peringkat awal

dan menghadapi beberapa cabaran, termasuk kekangan teknologi, kesediaan tenaga pengajar, serta tahap literasi digital pelajar (Al-Fraihat et al., 2020; Luckin et al., 2016). Integrasi AI memberikan peluang untuk menyampaikan konsep Fiqh yang kompleks dengan lebih jelas dan interaktif. AI boleh membantu pelajar memahami hukum-hukum ibadah seperti solat, puasa, zakat, haji, dan amalan ibadah lain melalui kaedah pembelajaran yang lebih personal dan interaktif. Integrasi AI dalam PdP boleh memperkayakan pengalaman pembelajaran, tetapi memerlukan strategi yang jelas bagi menangani isu etika, kos dan keberkesanan pedagogi (Holmes et al., 2019).

Namun, penggunaan teknologi kecerdasan buatan iaitu *Artificial Intelligence (AI)* dalam bidang pendidikan memberi cabaran dari sudut berlaku lambakan penipuan dan plagiarisme. Pandangan ini selari kajian Sani (2023) menyatakan kerisauan dan kebimbangan terhadap penyalahgunaan *ChatGPT* boleh menimbulkan sikap penipuan dan plagiarisme dalam kalangan pelajar. Hassan & Rahman (2021) dan Ahmad et al., (2023) menyatakan cabaran utama dalam penggunaan AI dalam pendidikan, termasuk kekurangan literasi digital di kalangan pensyarah dan pelajar, kesediaan infrastruktur yang terhad, isu etika dan kesahihan maklumat yang dihasilkan oleh AI, serta risiko ketergantungan pelajar kepada teknologi tanpa pemahaman yang mendalam. Walau bagaimanapun, dalam konteks Fiqh Ibadah, cabaran ini menjadi lebih kritikal kerana kursus ini menuntut kefahaman prinsip syariah dan amalan ibadah yang tepat, di samping memelihara nilai dan etika Islam. Penggunaan AI dalam kursus ini masih menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian empirikal mengenai cabaran penggunaan AI dalam PdP Fiqh Ibadah masih terhad.

Justeru, kajian ini mengenal pasti cabaran pengaplikasian teknologi kecerdasan buatan terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) Kursus Fiqh Ibadah dalam kalangan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Hasil kajian diharapkan dapat memberi panduan kepada pensyarah, pihak pengurusan IPTS, dan pembuat dasar pendidikan dalam merangka strategi penambahbaikan yang berkesan, selaras dengan pedagogi pendidikan Islam dan prinsip syariah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran pengaplikasian teknologi kecerdasan buatan terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) Kursus Fiqh Ibadah dalam kalangan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

## KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur dalam artikel ini dibahagikan kepada dua tema seperti mana berikut:

### i. Aplikasi AI dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Kecerdasan buatan (AI) merujuk kepada keupayaan sistem komputer untuk meniru proses pemikiran manusia seperti pembelajaran, penaaakulan, dan penyelesaian masalah (Russell & Norvig, 2021). Dalam konteks pendidikan, AI digunakan bagi menyokong aktiviti PdP melalui pelbagai aplikasi seperti sistem pembelajaran adaptif, penilaian automatik, dan analitik pembelajaran (Holmes et al., 2019). Penggunaan aplikasi AI amat berkait rapat dengan aplikasi digital yang biasa digunakan oleh para guru. Sedar atau tidak, mereka telah menggunakan fungsi *Artificial Intelligence* sejak sekian lama. Aplikasi AI dalam pendidikan bukan bertujuan mempromosikan penggunaan AI tetapi untuk menyokong pelaksanaan sistem pendidikan (Samsudin et. al, 2023).

Syarifudin dan Hashim (2024) menyatakan penggunaan teknologi AI atau aplikasi, perisian serta sistem dalam bidang pendidikan dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran telah mengubah cara belajar seseorang pelajar. Pelajar bebas untuk bertanyakan sesuatu tanpa rasa malu tentang apa yang mereka kurang faham semasa proses pembelajaran berlangsung. AI membantu pelajar dalam mempelbagaikan hasil carian dengan menyenaraikan semua perkara yang berkaitan dengan apa yang ingin dicari. Perkara ini membantu dalam meluaskan pandangan dan pendapat seseorang pelajar dalam mempelajari sesuatu (Norazlina Abdullah et al., 2020).

Aplikasi *ChatGPT* dalam pendidikan adalah lebih banyak berbanding aplikasi-aplikasi AI yang lain, kerana fungsinya dapat memenuhi pelbagai keperluan manusia dari sudut pengetahuan. *ChatGPT* adalah singkatan bagi *Generative Pre-Trained Transformer* iaitu robot atau chatbot yang berfungsi memberi interaksi dan membantu manusia dalam menjalankan tugas yang diberikan (Maulana et. al, 2023). Selain itu, aplikasi Canva adalah antara aplikasi yang baru memperkenalkan sistem AI dan meningkatkan kualiti pengajaran guru atau tenaga pengajar. Canva berfungsi sebagai alat pereka grafik yang inovatif telah menonjol sebagai salah satu pelantar bahan pembelajaran yang relevan bagi pembelajaran abad ke-21 (Musannadah dan Jannah, 2022).

Wang et al. (2022), berpandangan penggunaan AI dalam bilik darjah dapat meningkatkan kualiti pengajaran dengan membolehkan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centered learning*), memberi maklum balas segera, serta menyesuaikan kandungan mengikut tahap

kemahiran pelajar. Dalam bidang pengajian Islam, AI boleh digunakan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran melalui simulasi ibadah, kuiz interaktif, dan panduan hukum yang diperoleh daripada sumber muktabar. Begitu juga Ahmad, Hassan dan Rahman (2023), mendapati integrasi AI dalam kursus agama memberi kesan positif terhadap kefahaman pelajar apabila diaplikasikan dengan pendekatan pedagogi Islamik yang sesuai. Walau bagaimanapun, keberkesanan tersebut sangat bergantung pada kemahiran digital pensyarah dan kesediaan institusi dalam menyediakan infrastruktur teknologi yang mencukupi. Kajian bertajuk ‘peranan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Membantu Pencarian Maklumat al-Quran dan Hadis dalam Pengajaran dan Pembelajaran’ menggunakan pendekatan kuantitatif. Hasil kajian mendapati penggunaan AI memudahkan proses mendapatkan maklumat berkaitan al-Quran dan hadis dan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membuktikan keberkesanannya dengan membawa impak positif dalam memperkukuhkan pengajaran dan pembelajaran berkaitan al-Quran hadis (Nur Afiqah et al., 2024).

ii. **Cabaran Aplikasi Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) Dalam PdP Pengajian Islam atau Syariah**

Sorotan kajian dilakukan berkaitan cabaran aplikasi AI terhadap PdP. Cabaran utama penggunaan AI bagi pembelajaran ilmu Fiqh ialah isu ketepatan maklumat. AI cenderung menghasilkan jawapan bersifat umum tanpa mengambil kira perbezaan mazhab, konteks nas, atau disiplin usul Fiqh. Hal ini menimbulkan risiko salah tafsir terhadap hukum-hakam ibadah sekiranya pelajar bergantung sepenuhnya kepada output AI tanpa semakan terhadap sumber muktabar (Abdul Hakim dan Pauli Anggraini, 2023). Penulisan artikel Adawiah et al. (2023) mengkaji isu-isu dan cabaran Pengajian Islam di era perkembangan teknologi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat tiga isu dan cabaran *ChatGPT* terhadap Pengajian Islam iaitu kredibiliti dan integriti plagiarisma dan penipuan serta isu kebertanggungjawaban dan etika AI.

Seterusnya, Usman et al. (2024), dalam kajian bertajuk ‘Cabaran dan Peluang Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (*ChatGPT*) dalam Pembelajaran Subjek Hadis di kalangan Pelajar Universiti’ menyatakan kebaikan dan keburukan penggunaan (*ChatGPT*) dalam pengajian Hadis serta cadangan kaedah yang sesuai untuk menggalakkan interaksi yang lebih aktif antara pelajar dan bahan pengajian. Namun, penyepaduan (*ChatGPT*) ke dalam pengajian Hadis mendapati cabaran antaranya potensi untuk mendapatkan maklumat yang tidak tepat, plagiarisme melalui kandungan

yang dijana AI dan kemerosotan dalam kemahiran berfikir kritis disebabkan terlalu bergantung pada AI. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran borang soal selidik yang melibatkan seramai 60 orang pelajar Fakulti Pengajian Quran Sunnah untuk menilai kesesuaian dan keberkesanan penggunaan teknologi kecerdasan buatan dalam pembelajaran subjek Hadis.

Isu dan cabaran yang dialami oleh Guru Pendidikan Islam sewaktu melaksanakan PdP berteraskan aplikasi AI dijelaskan penulisan Wan Nur Irfah & Mohd Isa (2024). Cabaran dalaman ialah dari sudut kemahiran dan sikap guru sewaktu mengendalikan pembelajaran berasaskan AI. Guru-guru yang kurang mahir dengan pengendalian aplikasi AI akan berkurang motivasi untuk menggunakannya dalam sesi pengajaran. Manakala, cabaran luaran ialah kebolegunaan aplikasi dan jurang menyukarkan guru untuk melaksanakan pembelajaran berunsurkan AI dalam PdP Pendidikan Islam.

Setelah sorotan kajian dilakukan, perbincangan berkaitan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran didapati semakin berkembang. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan kepada bidang Pengajian Islam, al-Quran dan hadis. Kajian yang meneliti penggunaan AI dalam bidang Fiqh, khususnya Fiqh Ibadah, masih kurang diberi penekanan dan belum dilaksanakan secara menyeluruh. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan mengenal pasti cabaran penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Fiqh Ibadah di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak institusi merangka strategi pengajaran berasaskan AI yang selaras dengan nilai-nilai Islam serta objektif pendidikan Syariah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk pendekatan kuantitatif. Kaedah digunakan adalah analisis dokumen dan soal selidik. Borang soal selidik diedarkan bagi mendapatkan maklum balas, data ataupun maklumat yang diperlukan daripada responden. Borang soal selidik diedarkan kepada 66 orang mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Swasta terdiri daripada UniSIRAJ dan IPTIPs melalui platform sosial media. Borang soal selidik kajian ini mempunyai dua bahagian. Pertama; maklumat demografi responden. Kedua; soalan dikemukakan mencangkup cabaran responden terhadap penggunaan teknologi kecerdasan buatan AI dalam membantu pencarian maklumat berkaitan Fiqh Ibadah dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, data maklumat yang diperoleh dianalisis bagi

mencapai objektif yang digariskan iaitu mengenal pasti cabaran penggunaan teknologi kecerdasan buatan terhadap pembelajaran kursus Fiqh Ibadah dalam kalangan pelajar IPTS.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian adalah hasil data yang diperoleh melalui edaran borang soal selidik kepada sasaran mahasiswa di IPTS. Perbincangan hasil dapatan dibahagikan kepada dua tema iaitu pertama; Demografi responden, kedua; Cabaran Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan seperti (ChatGPT ) Dalam Pembelajaran Kursus Fiqh Ibadah Dalam Kalangan Pelajar IPTS. Perbincangan lanjut lebih terperinci adalah seperti berikut:

### Analisis Demografi Responden

Jadual 1: Analisis Demografi Responden

Item	Dapatan	Justifikasi
1 Jantina	37 responden- perempuan (56.1%) 29 responden-pelajar lelaki (43.9 %)	Populasi pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki
2 Umur	63 responden (95.5%)- antara 18 hingga 28 tahun 2 responden (3%) -29 hingga 39 tahun 1 responden (1.5%) -40 hingga 50 tahun	Majoriti umur responden antara 18 hingga 28 tahun yang mengambil kursus Fiqh Ibadah dalam program masing-masing
3 Fakulti	Fakulti Pengajian Islam-51 orang pelajar (79.7%), Pusat Pengajian Asasi - 4 orang (6.5%), Fakulti al-Quran dan Sunnah – 2 orang (3.2%) Fakulti Muamalah Kewangan Islam- seorang Fakulti Perniagaan & Sains Pengurusan - tiada	Fakulti Pengajian Islam mendominasi manakala baki 13 orang pelajar terdiri daripada pelbagai fakulti lain.
4 Program Pengajian	19 responden (29.7%)-Sarjana Muda Pengajian Islam. 12 responden (17.2%)-Diploma Pengajian Islam 12 responden (17.2%) -Diploma Syariah 5 responden (7.8%)-Ijazah Sarjana Muda Syariah (Ekonomi Islam) 9 responden (14.1%)- Lain-lain program	Majoriti responden memberi maklum balas adalah program yang menjadikan kursus Fiqh Ibadah sebagai teras.

Jadual 1 menunjukkan terdapat sebanyak 66 responden dalam kalangan pelajar IPTS telah memberikan respons terhadap kajian ini. Empat item terdiri daripada jantina, umur, fakulti dan program pengajian yang diikuti merupakan analisa demografi responden. Manifestasinya, majoriti responden adalah perempuan, berumur 18 hingga 28 tahun daripada program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, UniSIRAJ. Tiada responden mewakili Fakulti Perniagaan & Sains Pengurusan kerana tiada kursus berkaitan Fiqh Ibadah dalam struktur program mereka.


### Cabaran Pengaplikasian Teknologi Kecerdasan Buatan Terhadap PdP Kursus Fiqh Ibadah Dalam Kalangan Mahasiswa IPTS

Perbincangan bagi sub topik ini dibahagikan kepada dua tema iaitu:

- i. Cabaran yang dihadapi terhadap penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah di IPTS.
- ii. Cabaran yang dihadapi bagi penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah terhadap diri mahasiswa. Perinciannya adalah seperti mana berikut:

#### Cabaran yang dihadapi terhadap penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah di IPTS

Kupasan berkaitan cabaran yang dihadapi terhadap penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah di IPTS adalah seperti mana di bawah:



Rajah 1: Cabaran terhadap penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah di IPTS


Rajah 1 mendapati cabaran tertinggi yang dihadapi terhadap penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah di institusi pengajian tinggi adalah maklumat dijana AI tidak mengetahui sumber asal. Sejumlah 48 responden (72.7%) menghadapi masalah tersebut. Hal yang demikian menyukarkan mahasiswa mengetahui sumber asal yang sah. Dapatan ini selari dengan pandangan Abdullah & Ismail (2022) yang menyatakan penggunaan AI kadangkala menghasilkan maklumat yang tidak sah atau bias, menimbulkan kebimbangan terhadap kesahihan hukum yang dijana. Seterusnya, seramai 37 responden (56.1%) menyatakan cabaran kedua tinggi iaitu mendapat maklumat dicari secara umum sahaja. Perincian tuntas dan terperinci tidak dapat dijana melalui AI. Penggunaan AI dalam pencarian maklumat berkaitan ilmu agama islam perlu di tapis dahulu supaya tidak ada unsur yang ragu atau ketidakpastian sumber. Dalam konteks pendidikan Islam, ini amat penting kerana kesilapan interpretasi hukum boleh menjejaskan kefahaman pelajar.

Sejumlah 36 responden (54.5%) berpandangan cabaran ketiga tertinggi adalah maklumat tidak tepat. Ini memerlukan kepada penelitian lebih matang dilakukan oleh mahasiswa dan pensyarah. Hal ini turut disokong oleh kajian Abdul Hakim dan Pauli Anggraini (2023) mendapati cabaran penggunaan AI bagi pembelajaran ilmu Fiqh ialah isu ketepatan maklumat. AI cenderung menghasilkan jawapan bersifat umum tanpa mengambil kira perbezaan mazhab, konteks nas, atau disiplin usul Fiqh. Hal ini menimbulkan risiko salah faham terhadap hukum-hukum ibadah sekiranya pelajar bergantung sepenuhnya kepada output AI tanpa semakan terhadap sumber muktabar. Oleh itu, AI perlu dianggap sebagai alat bantu, bukan sumber hukum utama. Kajian ini juga menekankan pentingnya bimbingan pensyarah dalam menilai dan mengesahkan maklumat yang dijana oleh AI agar kesahihan ilmu dapat dikekalkan.

Cabaran lain turut dihadapi mendapati maklumat yang diperoleh setelah dijana AI adalah mendapati maklumat terhad, sama dan berulang. Bagi kedua-dua cabaran ini, sejumlah 26 responden (39.4%) bagi kategori masing-masing. AI tidak membantu dalam menyatakan hukum sesuatu perkara dengan tepat dan boleh memesongkan akidah. Terlalu bergantung kepada maklumat yang diberikan tanpa memahaminya secara mendalam. Begitu juga sering berlaku sumber rujukan maklumat yang diberi AI adalah palsu. Dapatan ini disokong oleh Zaharuddin (2023) berkongsi pengalamannya tentang penggunaan *ChatGPT* dan Pengajian Islam. Beliau berpandangan jawapan daripada *ChatGPT* dalam hal ehwal fiqh Islam dan fiqh muamalat masih tidak kemas dan kerap kali mengulang jawapan umum serta menghurai di permukaan sahaja. Malah beliau juga mendapati *ChatGPT* memberikan jawapan yang salah berkenaan sama ada "*Retained Earning*" yang

dibawa ke hadapan akan dikenakan cukai berkali-kali setiap tahun atau tidak di dalam undang-undang Malaysia. Ia mengatakannya "kena cukai berulang", iaitu jawapan yang salah. Beliau juga berpesan supaya tidak terlalu teruja dengan jawapan *ChatGPT* dan mempercayainya tanpa semakan lebih-lebih lagi bagi pelajar pengajian tinggi di Universiti Awam dan Swasta khususnya bidang Pengajian Islam, Fiqh, Usuluddin serta cabang-cabangnya kerana kebarangkalian jawapannya salah adalah besar. Pengkaji turut bersetuju dengan pandangan Zaharuddin (2023) ini.

**Cabaran yang dihadapi bagi penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah terhadap diri mahasiswa**  
Kupasan berkaitan cabaran yang dihadapi bagi penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah terhadap diri mahasiswa adalah seperti mana di bawah:



Rajah 2: Cabaran yang dihadapi bagi penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah terhadap diri mahasiswa

Rajah 2 menunjukkan sejumlah 48 responden (72.7%) memberi maklum balas cabaran paling utama terhadap penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah yang dihadapi dalam kalangan diri mahasiswa IPTS adalah sikap kebergantungan yang tinggi kepada AI. Kebergantungan ini mendorong sebahagian mahasiswa untuk mengharapkan AI sepenuhnya dalam menyiapkan tugas yang diberikan tanpa sebarang proses olahan, penyesuaian atau penambahbaikan oleh segelintir pelajar. Akibatnya, mereka kurang berinisiatif untuk merujuk sumber rujukan yang lebih berautoriti serta menunjukkan tahap ketekunan yang rendah dalam penghasilan tugas. Selain itu, terdapat mahasiswa yang mengambil pendekatan mudah dengan menyalin dan menampal maklumat yang

diperoleh daripada AI tanpa usaha untuk meneroka sumber lain atau berfikir secara kritis dalam mencari penyelesaian secara sendiri.

Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menegaskan bahawa kebergantungan berlebihan terhadap teknologi kecerdasan buatan (AI) boleh menjejaskan kualiti pembelajaran pelajar. Chokri Kooli (2023) menyatakan bahawa penggunaan AI secara pasif, khususnya dalam penyiapan tugas akademik, menyebabkan pelajar kurang memahami kandungan pembelajaran serta tidak membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi seperti analisis dan sintesis maklumat. Dalam konteks kursus Fiqh Ibadah, kebergantungan yang tinggi terhadap AI tanpa tapisan dan pengolahan kritikal boleh memberi kesan negatif terhadap penguasaan ilmu syariah yang menuntut kefahaman mendalam, ketelitian terhadap sumber berautoriti, serta keupayaan membuat pertimbangan hukum secara berasas. Justeru, penggunaan AI perlu dibimbing agar berfungsi sebagai alat sokongan pembelajaran, bukan pengganti kepada usaha intelektual mahasiswa.

Cabaran kedua tertinggi adalah berlaku kemerosotan kemahiran berfikir kritis dalam kalangan mahasiswa. Ini kerana mahasiswa lebih kepada jalan pintas contohnya dengan hanyaambahan mencari maklumat menggunakan ChatGPT tanpa dibuat olahan ayat sendiri tetapi mengambil secara terus tanpa perubahan dibuat. Hal ini menyebabkan kemahiran berfikir kritis menjadi semakin merosot dan kurang berfikir serta kurang kemahiran analisa maklumat secara terperinci. Selain itu, mahasiswa juga akan menjadi sukar mengeluarkan idea bagi sesuatu perkara disebabkan malas untuk berfikir. Sikap pengguna AI sendiri untuk mencari rujukan dinyatakan oleh AI semata-mata tanpa berusaha untuk mencari di laman sesawang berautoriti lain atau buku yang lebih sahih. Ini menjadikan mahasiswa bergantung sepenuhnya kepada AI tanpa berusaha untuk berfikir atau mencari jalan penyelesaian sendiri. Hal ini disokong oleh kajian Pérez et al. (2021) menegaskan bahawa pelajar cenderung bergantung kepada AI dalam menyiapkan tugas, sekali gus mengurangkan pemikiran kritikal dan penglibatan kognitif.

Cabaran ketiga tinggi iaitu berlaku plagiarisme atau penipuan dan memberi kesan negatif terhadap kreadibiliti. Kedua-dua cabaran ini berdasarkan maklum balas 33 responden setiap satu. Cabaran ini dihadapi oleh sebahagian mahasiswa apabila mengambil maklumat secara salin dan tampal tanpa melakukan sebarang saringan, olahan dan penambah baikan ayat, susunan. Menurut Islam, plagiarisme adalah perbuatan buruk yang terlarang kerana perbuatan zalim dan sangat merugikan orang lain, merosakkan kewujudan dan kestabilan harta dan jiwa masyarakat serta terdapat unsur pembohongan dan penipuan. Islam menuntut umatnya untuk menghindari dan

menjauhi penipuan serta berlaku jujur (Omar et. Al, 2024). Kehadiran teknologi masa kini termasuk *ChatGPT* makin meluaskan dan mempercepatkan lagi kegiatan memindahkan suatu maklumat dari satu tempat ke tempat lain tanpa mengkreditasikan penghargaan kepada pemilik sebenar karya. Sekiranya adab-adab penulisan dilaksanakan dengan baik; iaitu dengan memberikan pengakuan dan rujukan yang tepat kembali kepada penulis asal, isu plagiat dan penipuan tidak timbul dan dapat dielakkan terutama dalam hal ehwal pengajian Islam.

*ChatGPT* dijadikan sebagai alat untuk mempelajari segala bidang ilmu serta digunakan untuk mencari maklumat dan mampu menghasilkan coding hanya dengan beberapa minit (Misnawati 2023). Aplikasi ini mempunyai risiko dan memberi implikasi yang buruk terhadap kredibiliti dan integriti ilmu Islam apabila wujud golongan yang mencari ilmu Islam hanya melalui *ChatGPT*. Menurut Islam, sanad memiliki kedudukan yang penting kerana sanad merupakan rantai keilmuan yang menghubungkan keilmuan murid dengan guru hingga sampai kepada Rasulullah SAW. Hanya dengan kewujudan sanad, kredibiliti ilmu Islam dapat dipelihara dan dipertanggungjawabkan. Begitu juga dengan fenomena soal jawab berkaitan hukum hakam Islam melalui *ChatGPT*. Aplikasi ini dicipta oleh bukan Islam dan sudah tentu hal ehwal Islam dan hukum hakam Islam bukanlah bidang kepakaran aplikasi ini. Sekiranya *ChatGPT* etap dijadikan rujukan dalam isu agama, kebarangkalian jawapan yang diberikan itu salah dan ini sedikit sebanyak mencalarakan imej dan kemurnian ajaran Islam itu sendiri. Justeru, penggunaan aplikasi *ChatGPT* dan yang seumpama dengannya (Google, Yahoo, Bing dan lain lagi) hendaklah digunakan dengan berhemah, beretika, bertanggungjawab serta tidak menjadikannya platform utama dalam merujuk permasalahan agama (Adawiah et al., 2023).

Seterusnya, sejumlah 25 responden (37.9%) bersetuju cabaran dihadapi adalah menimbulkan sikap tidak bertanggungjawab iaitu dengan melaksanakan tugas yang diberikan dengan tidak bersungguh-sungguh, tekun dan hanya mengharapkan kawan kumpulan menyiapkan tugas. Menyebabkan seseorang mempunyai sikap mudah terhadap sesuatu maklumat tanpa menyiasat atau bertanya guru atau menggunakan kitab. Tambahan lagi, sikap sambil lewa ketika menyiapkan tugas kerana kebergantungan kepada AI serta membudayakan kerja akhir masa. Mahasiswa juga akan kurang membaca buku atau mencari maklumat lain seperti buku rujukan atau kitab-kitab. Ini juga turut terjadi ketika aplikasi *ChatGPT* contohnya, diakses bagi tujuan rujukan,

terdapat ruang bagi isu plagiat untuk berlaku serta tiada rujukan yang sah bagi kandungan yang dicari terutama bagi bidang-bidang dalam Pendidikan Islam (Wan Nur Iffah & Mohd Isa, 2024).

Walau bagaimanapun, hanya 12.15% mewakili 8 responden menyatakan cabaran jurang digital berlaku dalam penggunaan AI bagi penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah. Jaringan internet telah disediakan oleh pihak universiti di kawasan kampus dan penginapan mahasiswa, tiada masalah bagi mahasiswa membuat capaian internet semasa PdP dan pencarian maklumat. Selain itu, setiap dewan kuliah mempunyai LCD, komputer. Namun, cabaran jurang digital ini berlaku apabila mahasiswa berada di penempatan yang jauh dari jaringan akses internet iaitu di luar kampus atau di kawasan luar bandar.

## KESIMPULAN

Manifestasinya, perkembangan teknologi kecerdasan buatan *Artificial Intelligence (AI)* telah mengubah cara pembelajaran secara signifikan. Kaedah mencari, meneroka dan memahami ilmu Fiqh ibadah juga telah berubah dengan ketara. AI berevolusi cara kita mendekati pengajian Fiqh ibadah dan berperanan memudahkan pencarian maklumat ilmu Fiqh Ibadah. AI juga membuka peluang baru kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) tanpa batasan tempat dan masa. Menerusi pertumbuhan pesat dalam bidang kecerdasan buatan, pelajar universiti yang mempelajari kursus Fiqh Ibadah berpotensi mendapat manfaat yang besar untuk mendapatkan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif.

Integrasi tradisi dan teknologi AI (*ChatGPT*) ke dalam pengajian Fiqh juga mendatangkan cabaran. Penulis merumuskan cabaran pengaplikasian Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pengajaran & Pembelajaran Kursus Fiqh Ibadah Di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) kepada dua tema iaitu:

- i. Cabaran terhadap penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah di IPTS

Terdapat lima cabaran yang dikenal pasti iaitu maklumat dijana AI tidak mengetahui sumber asal, mendapat maklumat dicari secara umum sahaja, maklumat tidak tepat, maklumat yang diperolehi setelah dijana AI mendapati maklumat terhad dan maklumat sama dan berulang. Namun, tidak mengetahui sumber asal maklumat yang dijana oleh AI merupakan cabaran majoriti yang dihadapi terhadap penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah di IPTS.

- ii. Cabaran penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah yang dihadapi dalam kalangan diri mahasiswa IPTS

Terdapat tiga cabaran penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah yang dihadapi dalam kalangan diri mahasiswa IPTS yang mendominasi iaitu sikap kebergantungan kepada AI, kemerosotan kemahiran berfikir kritis dalam kalangan mahasiswa dan berlaku plagiarisme atau penipuan dan memberi kesan negatif terhadap kredibiliti. Sikap kebergantungan kepada AI adalah cabaran yang paling tinggi dihadapi bagi penggunaan AI dalam PdP kursus Fiqh Ibadah terhadap diri mahasiswa.

Justeru, penggunaan *ChatGPT* sebagai alat (*tools*) pembelajaran dengan beretika dalam menyempurnakan tugas ilmiah, penulisan akademik, penulisan esei dan lain-lain tidak dikira sebagai plagiat. Namun, berdasarkan kemudaratan yang timbul, masyarakat Islam harus berhati-hati dalam penggunaan teknologi ini. Tidak dinafikan kemajuan ini banyak memberikan manfaat dalam banyak aspek kehidupan tetapi jika tiada had atau garis panduan, dikhuatiri keaslian ilmu Islam akan terganggu dan umat Islam akan keliru untuk membezakan yang mana benar dan salah.

Kajian ini signifikan kepada institusi pengajian tinggi (IPT), khususnya pihak fakulti, penyelidik dan pensyarah, dalam meningkatkan kesedaran serta kepekaan terhadap cabaran penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Fiqh Ibadah. Cabaran-cabaran ini sering dihadapi oleh mahasiswa sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, justeru memerlukan perhatian serius serta penyelesaian yang berkesan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu mahasiswa memahami dan menyedari cabaran yang wujud, seterusnya mengenal pasti solusi serta langkah-langkah yang sesuai bagi menghadapinya. Akhirnya, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan bagi meneroka dan merangka solusi yang lebih komprehensif dalam mengurangkan serta menangani cabaran penggunaan AI secara berkesan dan berlandaskan prinsip Syariah.

## PENGHARGAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada pihak PPPI, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) atas tajaan dana penyelidikan ini melalui Skim Geran Jangka Pendek (STG-102/2024) serta menyokong kerja penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abdullah, M., & Ismail, N. (2022). *Ethical dimensions of AI use in Islamic education*. Journal of Islamic Studies and Technology, 8(2), 55-67.
- Adawiah Hosni, and Mohd Farhan Md Ariffin, and Hamdi Ishak, (2023) *Isu dan cabaran ChatGPT terhadap pengajian Islam*. Journal Al-Turath ; Journal of Al-Quran and Al-Sunnah, 8 (1). i-xvii. <https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/>
- Ahmad, S., Hassan, R., & Rahman, N. (2023). *Integrating artificial intelligence in religious education: Challenges and opportunities in Malaysian higher learning institutions*. Asian Journal of Education and e-Learning, 11(1), 21-33.
- Al-Fraihat, D., Joy, M., & Sinclair, J. (2020). Evaluating E-learning systems success: An empirical study. *Computers in Human Behavior*, 102, 67-86. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2019.08.004>
- Chokri Kooli. 2023. Chatbots in Education and Research: A Critical Examination of Ethical Implications and Solutions. <https://www.mdpi.com/2071-1050/15/7/5614>. [26 Mei 2023].
- Hakim, A., & Angraini, P. (2023). Artificial intelligence in teaching Islamic studies: Challenges and opportunities. Molang: Journal Islamic Education, 1(2), 19-30.
- Hassan, R., & Abdullah, M. (2022). *Blended learning and AI applications in Islamic pedagogy*. Journal of Contemporary Islamic Education, 10(2), 73-85.
- Hassan, R., & Rahman, N. (2021). *Digital readiness among Islamic studies educators: An empirical analysis*. Malaysian Journal of Educational Technology, 9(3), 44-56.
- Holmes, W., Bialik, M., & Fadel, C. (2019). *Artificial intelligence in education: Promises and implications for teaching and learning*. Center for Curriculum Redesign.
- Hosni, A., Ariffin, M. F. M., & Ishak, H. (2023). Editorial Notes: Isu Dan Cabaran ChatGPT Terhadap Pengajian Islam. Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah, 8(1).
- Khoir, T. ., Fadzil Abdul Hanid, M. ., Khasan, M. ., Azean Atan, N. ., Zulfa Elizabeth, M. ., & Hashim, S. (2024). Enhancing Fiqh learning outcomes through artificial intelligence applications at Sekolah Indonesia Johor Bahru. *Edelweiss Applied Science and Technology*, 8(4), 1764-1777. <https://doi.org/10.55214/25768484.v8i4.1551>
- Misnawati. (2023). ChatGPT : Keuntungan, Risiko, dan Penggunaan Bijak dalam Era Kecerdasan Buatan. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni dan Budaya (Mateandrau)* 2(1): 54-67.

- Muhammad, F., & Ismail, N. (2022). *AI and Shariah compliance in modern education: A conceptual exploration*. *International Journal of Islamic Education Research*, 6(4), 101–115.
- Norazlina Abdullah, Hartati Maskur & Roshila Abdul Mutalib. (2020). Penggunaan Aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) dalam PDP-Satu Kajian Kepustakaan. Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020). <https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/IMC%202020/265-272.pdf>
- Omar, A. I., Muhamad Mahir, L. K. ., & Mat Saad, Q. N. (2024). Analisis Kaedah Fiqh tentang Kecerdasan Buatan (AI) menurut Pandangan Pakar Muslim: Analysis of Fiqh Methodologies on Artificial Intelligence (AI) from the Perspective of Muslim Scholars. *Jamalullail Journal*, 3(2), 64–86. Retrieved from <https://journaljamalullail.kuips.edu.my/index.php/journal/article/view/154>
- Pérez, A., García, J., & López, R. (2021). *Students' dependency on AI tools in higher education: A qualitative study*. *Computers & Education Journal*, 172, 104–119.
- Rahman, N., & Zainal, S. (2021). *Perceptions of AI in Islamic education among Malaysian private university students*. *Journal of Educational Innovation*, 15(2), 89–103.
- Russell, S., & Norvig, P. (2021). *Artificial intelligence: A modern approach* (4th ed.). Pearson.
- Samsudin, Salbihana & Zarizi, Syed & Abdullah, Syed & Saleh, Md & Shukri, Ahmad. 2023. Pengetahuan Bakal Guru Tentang AI dalam Pendidikan. *International Journal Of Educational Research On Andragogy And Pedagogy*, 2(1), 112 To 124.
- Sharifuddin, N. S., & Hashim, H. 2024. Benefits and Challenges in Implementing Artificial Intelligence in Education (AIED) in ESL Classroom: A Systematic Review (2019-2022). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(1), 146–164.
- Ubaid, U. B., dan Sunnah, F. P. Q., Ruslan, A. F. B., Tahir, M. S. B. M., & binti Ramlan, N. Cabaran Dan Peluang Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (ChatGPT ) Dalam Pembelajaran Subjek Hadis Di kalangan Pelajar Universiti.
- Wan Nur 'Irfah Ilhami, W.A & Mohd Isa, H. (2024). Cabaran Penggunaan Aplikasi *Artificial Intelligence* (AI) dalam PdP Pendidikan Islam Sekolah Rendah [Challenges of Using Artificial Intelligence (AI) Applications in The Teaching and Learning of Islamic Education in Primary Schools]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 4(4), 35-43.
- Wang, Y., Li, J., & Chen, X. (2022). *The impact of AI-based learning environments on student engagement and achievement*. *Educational Technology & Society*, 25(3), 12–25.

Yusof, N., Ahmad, R., & Salleh, M. (2024). *Building AI literacy in Islamic education: Towards ethical and effective implementation*. *Journal of Technology in Education and Learning*, 13(1), 34-48.

Zaharuddin Abdul Rahman. 2025. ChatGPT dan Pengajian Islam. Group Telegram. <https://t.me/DrZaharuddinGroup>. [7 Ogos 2025].